

U GB 30-08 00202 BB745

bah

Mahathir - Perutusan

(EMBARGO: Untuk siaran selepas 9 malam ini)

RAKYAT HARUS HALANG KEJADIAN BURUK DARI MENIMPA NEGARA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat mengenai pentingnya pengawalan diri dan bersifat lebih bertanggungjawab dalam memastikan malapetaka tidak berlaku akibat perbuatan sendiri.

Katanya Malaysia merupakan antara negara yang selamat daripada bencana yang serius dan jika berlaku juga keburukan atau malapetaka, ia lebih merupakan perbuatan sendiri dan pemulihannya terserah kepada masyarakat sendiri.

"Jika bangunan runtuh, jika air sungai menjadi keruh, jika bukit dan gunung yang indah dicemar, jika kemalangan berlaku di jalan raya; jika rumah terbakar; atau dadah disalahgunakan dan AIDS merebak -- semuanya adalah kerana perbuatan kita sendiri," katanya dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan ke-37 melalui RTM.

Perdana Menteri berkata Malaysia dilindungi daripada ribut taufan dan puting beliung dari sebelah Timur oleh Kepulauan Filipina dan dari sebelah Barat oleh Sumatera, rangkaian gunung berapi mengelilingi negara seperti rantai leher, hujan turun mencurah sehingga bumi bertuah ini menghidu sepanjang tahun dan makanan menunggu untuk dipungut.

"Jika kita renung nasib kita, tentulah kita lebih bersyukur dengan nikmat-nikmat ini," katanya. -- Lagi

▼30/08/15-55MST

U GB 30-08 00149 BB746

bah

Mahathir - Perutusan 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dr Mahathir mengambil contoh konflik yang sedang melanda negara-negara seperti Somalia, Bosnia-Herzegovina dan Rwanda dimana berjuta-juta orang terkorban.

Malah di Rwanda, kata beliau, lebih dua juta rakyat negara itu terpaksa melarikan diri ke negara-negara lain ditambah pula dengan penyakit yang menyerang mereka sehingga beribu-ribu pelarian mati tergelimpang dan yang baki diserang kebuluran sehingga tinggal tulang rangka sahaja.

Perdana Menteri berkata walaupun kerajaan menggubal pelbagai undang-undang dan mengadakan jentera bagi menguatkuasakan undang-undang untuk mencegah kejadian yang tidak sihat, "ia masih juga berlaku, bahkan bertambah".

"Tentulah jelas kerajaan dan undang-undang tidak dapat menghapuskan segala perbuatan yang tidak diingini," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa kebanyakan daripada kemalangan di jalan raya, keruntuhan bangunan, kebakaran, penyalahgunaan dadah sehingga mendapat penyakit AIDS dan pencemaran alam sekeliling semuanya disebabkan oleh orang yang bukan penjenayah. -- Lagi

▼30/08/15-57MST

bah

Mahathir - Perutusan 3 Kuala Lumpur (EMBARGO)

"Sama ada mereka berniat jahat atau tidak, kesannya adalah sama buruknya," kata beliau dan menambahkata bahawa dengan mengenakan hukuman selepas sesuatu "kemalangan" tidak memulihkan apa-apa.

Katanya apa yang diperlukan ialah pencegahan dan pencegahan yang betul-betul berkesan ialah yang diusahakan oleh diri sendiri.

Dr Mahathir berkata pencegahan oleh kerajaan bukan sahaja terhad kesannya tetapi kosnya tinggi.

"Menyimpan anggota polis dengan banyak untuk menentukan tiada sesiapa memandu terlalu laju dan memotong dengan cara yang berbahaya, mungkin dapat mengurangkan sedikit kemalangan di jalanraya tetapi kos menempatkan polis di sepanjang jalan amatlah tinggi dan kos itu akhirnya akan ditanggung oleh rakyat," kata beliau.

Perdana Menteri menasihatkan rakyat supaya menyambut seruan dan tindakan kerajaan dengan baik untuk mengurangkan penyakit penyalahgunaan, dadah, membasmi gejala kemalangan jalan raya, mengelak kejadian kebakaran yang begitu kerap, mengatasi masalah "budaya lepak", bangunan runtuh, pencemaran alam sekeliling dan sebagainya. -- Lagi

▼30/08/16-00MST

bah

Mahathir - Perutusan 4 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Perdana Menteri mahukan rakyat menjadikan tahun ke-38 negara merdeka sebagai "tahun yang kita menukar sikap kita terhadap diri kita sendiri".

"Kerajaan akan membuat apa yang menjadi tanggungjawab kerajaan, tetapi rakyat hendaklah membina budaya yang mengutamakan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat.

"Insyallah, jika kita buangkan tabiat yang merugikan kita, negara ini bukan sahaja akan lebih maju tetapi juga kemajuan tidak akan tercemar dengan gejala-gejala yang sedang kita lihat berlaku di negara-negara maju di Barat," katanya.

Beliau berkata negara maju yang dimaksudkan dalam Wawasan 2020 bukan bercorak negara maju 'keBaratan' yang penuh dengan gejala dadah, AIDS, keruntuhan akhlak, malas bekerja dan keburukan lain tetapi negara maju yang lebih bahagia dan terpelihara daripada keruntuhan tamadun.

"Untuk itu kita harus bentuk budaya yang sesuai dari sekarang," katanya. -- Lagi

▼30/08/16-10MST

CNS9105

bah

Mahathir - Perutusan 5 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dr Mahathir menambahkata bahawa hari kemerdekaan adalah hari yang 'tepat' untuk membuat resolusi "bahawa kita bukan sahaja berusaha merebut peluang meningkatkan kemajuan dan kemakmuran kita tetapi juga untuk menghapuskan amalan-amalan yang tidak menguntungkan".

Beliau berkata melalui kerjasama rakyat, kerajaan berjaya membangunkan Malaysia dan menjadikan ia antara negara membangun yang termaju. Taraf hidup rakyat sudah meningkat dan pendapatan purata bertambah.

Perdana Menteri juga berkata negara tidak akan lupa khidmat pahlawan-pahlawan yang gugur ketika mempertahankan keselamatan negara dan maruah bangsa.

"Sepertimana mereka sanggup menggadaikan nyawa untuk kita, kita juga harus membuktikan bahawa kita layak dipertahankan oleh mereka," tambah beliau. -- Bernama